

19 JUL 2000

Mahathir-Sandiwara (Embargo: 9 malam 19 Julai)

TUDUH SANDIWARA, PEMBANGKANG NAK BERSIHKAN JENAYAH AL MA'UNAH

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tuduhan pembangkang kononnya rompak senjata di kem tentera di Gerik adalah sandiwara kerajaan sebenarnya merupakan usaha pembangkang untuk membersihkan perbuatan jenayah oleh kumpulan Persaudaraan Al Ma'unah.

Perdana Menteri berkata sejak awal-awal lagi beliau sudah menyebut bahawa akan ada percubaan untuk "white wash" atau membersihkan perbuatan jenayah itu oleh pihak yang terlibat atau bersimpati secara langsung atau tidak langsung dengan gerakan itu.

"Sekarang kita sudah lihat, untuk melindungi diri mereka yang secara langsung atau tidak langsung bersimpati atau terlibat dengan gerakan ini, mereka buat tuduhan kononnya ini dirancang oleh kerajaan," katanya dalam rancangan wawancara khas Bersama Perdana Menteri melalui televisyen malam ini.

Semua stesen televisyen menyiarkan serentak wawancara itu yang dipengerusikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya Datuk Dr Firdaus Abdullah. Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Datuk Khalid Mohamed dan Pengurus Besar Kanan Berita dan Ehwal Semasa TV3 Chamil Wariya menjadi anggota panelnya.

Dr Mahathir yang menjawab soalan anggota panel berkata, tuduhan itu tidak masuk akal sama sekali. Kerajaan tidak sekali-kali akan terlibat dengan perbuatan jenayah itu yang melibatkan pembunuhan dua orang anggota pasukan keselamatan.

Pada 2 Julai lepas satu kumpulan 15 orang yang menyamar sebagai pegawai dan anggota tentera mencerobohi dua kem tentera di Gerik dan emelarkan lebih 100 senjata dan beribu-ribu peluru.

Kumpulan itu kemudian bersama 13 lagi anggota kumpulan Al-Ma'unah, berkubu di Bukit Jenalek, Sauk, sebelum menyerah diri kepada pasukan keselamatan yang mengepung mereka lima hari kemudian.

Dua orang anggota keselamatan yang menjadi tebusan kepada kumpulan berkenaan semasa mereka dikepung, telah dibunuh manakala seorang anggota kumpulan itu terbunuh semasa tembak-menembak.

Perdana Menteri berkata jenayah itu mustahil melibatkan kerajaan. Untuk merencangnya pun sudah mustahil dilakukan kerana ia memerlukan kerajaan bekerjasama dengan seorang penjenayah yang teramat sangat membenci kerajaan.

Katanya, untuk melakukan jenayah itu pula penjenayah itu tentulah kena mendedahkan dirinya sendiri kepada kemungkinan ia dibunuh atau jika ditangkap mungkin dikenakan hukuman yang amat berat sekali.

"Kalau kita nak suruh orang macam ini berbuat sesuatu untuk kerajaan, dia mestilah seorang penyokong kuat yang betul-betul setia kepada kerajaan.

"Sebaliknya mereka (penjenayah itu) bersimpati, ada tanda-tanda mereka bersimpati dengan parti lawan. Adakah orang parti lawan akan mengorbankan kepentingan diri mereka untuk kepentingan sandiwara kerajaan ini?" katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh bersandiwara, apatah lagi dalam kejadian itu yang melibatkan pembunuhan dan penyeksaan.

"Ini bukanlah sesuatu yang boleh dirancang oleh orang lain untuk dilakukan oleh orang lain. Ini adalah perbuatan orang itu sendiri," katanya.

Ketika menjawab soalan berkaitan dakwaan pihak tertentu kononnya tujuan sandiwara itu untuk memberi laluan kepada kerajaan bertindak terhadap pembangkang khususnya Pas, untuk melarang parti politik menggunakan

perkataan Islam pada nama parti itu, Dr Mahathir kerajaan tidak perlu berbuat demikian.

"Tak perlu sama-sekali. Kita sudah berkali-kali kata bahawa penggunaan nama Islam dalam parti ini mengelirukan rakyat sehingga mereka membuat tindakan yang sebenarnya tidak bijak dan bertentangan dengan agama Islam.

"Kita tidak perlu membunuh untuk membuat justifikasi kepada tindakan itu," katanya.

Beliau percaya rakyat sedar tentang keburukan (akibat penggunaan nama Islam dalam parti) yang sedang berlaku, yang bermula sedikit sahaja tetapi kini sudah membesar sehingga menjadi masalah besar kepada negara.

Kepada soalan sama ada kerajaan kini akan bertindak mengharamkan penggunaan perkataan Islam dalam nama mana-mana parti, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang meneliti perkara itu.

"Kita sedang meneliti perkara ini kerana kita tidak bertindak dengan tergesa-gesa dan tanpa alasan. Tetapi rakyat perlu tahu bahawa mereka sebenarnya terdedah kepada bahaya yang amat besar terhadap akidah mereka, kepercayaan kepada agama Islam dan juga bahaya kepada keselamatan diri mereka," katanya.

Perdana Menteri, yang memberikan penjelasan panjang lebar dalam wawancara kira-kira sejam itu, berkata kalau dahulu penggunaan perkataan Islam pada nama parti itu tidak mempunyai banyak kesan kerana orang tahu bahawa ia adalah parti politik, dan bukannya agama.

Namun sekarang, katanya, sudah sampai ke tahap parti itu berkata parti itu adalah Islam dan Islam itu adalah parti itu.

"Ini bertentangan sekali dengan ajaran Islam kerana kita tahu agama di sisi Allah ialah Islam. Tak ada pun disebut agama di sisi Allah ialah Islam dan parti tertentu, tak ada," katanya.

Dr Mahathir berkata kesan penggunaan perkataan Islam pada nama parti sekarang sudah sampai ke tahap yang "amat berbahaya yang melibatkan akidah dan juga bahaya kepada keselamatan negara."

Beliau juga ditanya mengenai adanya masjid yang melakukan solat hajat mendoakan keselamatan kumpulan Al Ma'unah itu dan menggunakan khutbah Jumaat untuk membuat tuduhan kerajaan berlaku zalim terhadap kumpulan Al Ma'unah yang kononnya bermatlamat menubuhkan sebuah negara Islam.

Dr Mahathir berkata perbuatan itu menunjukkan mereka taksub dengan kumpulan mereka sehingga sanggup membelakangkan ajaran Islam yang sebenar.

"Pembunuhan telah dilakukan, dan tidak harus ada sesiapa khususnya orang Islam yang mempertahankan orang ini (kumpulan Al Ma'unah). Mereka pertahankan kerana mereka sangat benci kepada kerajaan dan sanggup terima jenayah sekali pun asalkan jenayah itu ditujukan terhadap kerajaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri walaupun cerdik pandai Islam sendiri sudah memberi pendapat bahawa tindakan kumpulan itu bertentangan dengan ajaran Islam, ada orang yang menyebarkan risalah yang mempertahankan perbuatan jenayah.

"Mereka masuk dalam golongan yang menghalalkan darah orang Islam lain yang mereka takrifkan tidak Islam. Ini penyelewengan yang amat besar, kerana masyarakat Islam akan berpecah dan saling menuduh orang itu tidak Islam dan orang ini tidak Islam," katanya.

Beliau berkata perbuatan mempertahankan perbuatan jenayah memang merupakan satu jenayah juga dan kerajaan akan mendakwa kalau didapati oleh pendakwa raya orang yang mempertahankan jenayah itu sebenarnya melakukan jenayah atau bersubahat.

-- BERNAMA

MNY ZS NMO